

PERBADANAN KETUA MENTERI

2. Penang Halal International Sdn. Bhd.

PERBADANAN KETUA MENTERI PENANG HALAL INTERNATIONAL SDN. BHD.

"PHI telah mencapai objektif penubuhannya untuk mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dan melaksanakan program pembangunan usahawan bagi perniagaan industri halal"

RUMUSAN KESELURUHAN

OBJEKTIF PENUBUHAN
[TELAH DICAPAI]

TADBIR URUS KORPORAT
[KURANG MEMUASKAN]

KEDUDUKAN KEWANGAN
[STABIL]



PENCAPAIAN OUTPUT [2020-2022]

PENCAPAIAN KEBERHASILAN [2020-2022]

1 Pencapaian Bilangan Promosi Industri Halal **105%**
21 Promosi dilaksanakan berbanding 20 sasaran yang ditetapkan

1 Sambutan Terhadap Promosi dan Program **1,976** Penyertaan peserta **75,000** Kehadiran pengunjung

2 Pencapaian Bilangan Program Pembangunan Usahawan **66.7%** [MEMUASKAN]
16 Program dilaksanakan berbanding 24 sasaran yang ditetapkan

2 Kemasukan Pelabur di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang **RM260.20 juta** [Nilai Pelaburan] Tujuh syarikat melibatkan **17.9** ekar tanah

PENGURUSAN AKTIVITI

- 1** **RM3.61 juta (93.5%)** Geran telah dibelanjakan
- 2** Lebihan perbelanjaan **PIHEC** berjumlah **RM203,228** tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- 3** Pelantikan tujuh kontraktor bagi PIHEC dan PIH2F berjumlah **RM0.69 juta** serta perbezaan bayaran kepada tiga kontraktor bagi PIHEC berjumlah **RM57,774** tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- 4** Lima syarikat yang beroperasi di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang belum mendapat status halal.
- 5** **RM143,600 (49.9%)** Bantuan pensijilan halal telah dibelanjakan

3 Pengesahan Pensijilan Halal **2,102** Syarikat mendapat sijil halal



TADBIR URUS KORPORAT

Tujuh daripada lapan aspek tidak diamalkan sepenuhnya

- Pengerusi
- Lembaga Pengarah
- Ketua Pegawai Eksekutif
- Setiausaha Syarikat
- Pelan Strategik & Petunjuk Prestasi
- Prosedur Operasi Standard
- Jawatankuasa Audit
- Audit Dalam

SYOR AUDIT

3

PERBADANAN KETUA MENTERI

PENANG HALAL INTERNATIONAL SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI) dahulunya dikenali PIHH Development Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 11 Ogos 2008 sebagai syarikat berhad menurut syer dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta.
- Objektif utama penubuhan PHI menurut Perlembagaan Syarikat adalah untuk mempromosikan industri halal dan melaksanakan program pembangunan usahawan bagi perniagaan industri halal. Aktiviti utama PHI adalah untuk mempromosikan industri halal dan program pembangunan usahawan.
- PHI telah menerima geran daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang masing-masing berjumlah RM1 juta bagi tahun 2020 dan 2021 serta RM1.86 juta pada tahun 2022 bagi menampung perbelanjaan aktiviti syarikat seperti kos operasi dan kos pentadbiran.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua perkara yang dinilai ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Pencapaian output dinilai berdasarkan bilangan promosi industri halal dan bilangan program pembangunan usahawan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai melalui sambutan terhadap promosi dan program, kemasukan pelabur di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) serta pengesahan pensijilan halal. Bagi pengurusan aktiviti, penilaian dibuat bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023 terhadap tiga perkara iaitu pengurusan geran, pengurusan promosi dan pengurusan program pembangunan usahawan.

- Pengauditan juga melibatkan lapan aspek tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023 iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); Setiausaha Syarikat; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam.
- Selain itu, analisis kedudukan kewangan juga dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit PHI bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PHI melalui pengurusan aktiviti promosi industri halal dan program pembangunan usahawan yang cekap, berhemat dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, PHI telah mencapai objektif penubuhannya untuk mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dan melaksanakan program pembangunan usahawan bagi perniagaan industri halal.
- Pencapaian output bagi bilangan promosi adalah baik kerana sebanyak 21 promosi (105%) telah dilaksanakan berbanding 20 sasaran sejak tahun 2020. Bagaimanapun, pencapaian output bagi bilangan program pembangunan usahawan adalah memuaskan kerana hanya mencapai 16 program (66.7%) berbanding 24 sasaran.
- Pencapaian keberhasilan bagi sambutan terhadap promosi dan program, kemasukan pelabur di TPHPP dan pengesahan pensijilan halal adalah baik. Sambutan promosi dan program adalah melibatkan penyertaan 1,976 peserta dan kehadiran 75,000 pengunjung. Kemasukan pelabur di TPHPP dengan nilai pelaburan berjumlah RM260.20 juta melibatkan tujuh syarikat dengan keluasan tanah 17.9 ekar. Sebanyak 2,102 syarikat telah mendapat pengesahan pensijilan halal iaitu secara puratanya 701 syarikat setiap tahun.

- Pengurusan aktiviti bagi pengurusan geran dan program pembangunan usahawan adalah cekap. PHI telah membelanjakan sejumlah RM3.61 juta (93.5%) daripada RM3.86 juta geran yang diterima. Pengurusan bayaran bantuan pensijilan halal bagi program pembangunan usahawan adalah berkesan kerana dapat memberi galakan kepada usahawan bagi memperoleh sijil halal walaupun hanya bantuan berjumlah RM143,600 (49.9%) telah dibelanjakan.
- Pengurusan aktiviti PHI yang melibatkan pengurusan promosi adalah kurang cekap seperti berikut:
 - lebih perbelanjaan Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC) berjumlah RM203,228 tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
 - elaun makan terlebih bayar berjumlah RM1,800 kepada 10 kakitangan bagi PIHEC dan RM1,100 kepada 11 kakitangan bagi Penang International Halal Food & Heritage Festival (PIH2F);
 - lebih bayaran kepada kakitangan PHI bagi bayaran petugas sukarelawan PIHEC berjumlah RM1,110 masih belum dikreditkan ke dalam akaun PHI;
 - pelantikan tujuh kontraktor bagi PIHEC dan PIH2F berjumlah RM0.69 juta tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
 - perbezaan harga berjumlah RM57,774 berbanding harga perkhidmatan yang ditawarkan telah dibayar oleh PHI kepada tiga kontraktor tanpa kelulusan Lembaga Pengarah; dan
 - lima syarikat yang telah beroperasi di TPHPP masih belum mendapat status halal.
- Amalan tadbir urus korporat PHI berada pada tahap kurang memuaskan yang mana tujuh daripada lapan aspek tidak diamalkan sepenuhnya seperti berikut:
 - komposisi status bebas ahli Lembaga Pengarah kurang 50%;

- KPE telah meluluskan pendahuluan wang untuk tujuan peribadi (pinjaman) berjumlah RM17,000 kepada tiga kakitangan pada tahun 2022 yang tidak menepati Perlembagaan Syarikat dan tiada kelulusan Lembaga Pengarah.
 - Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah berkaitan komposisi status bebas ahli Lembaga Pengarah, dan keperluan agenda dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seperti penetapan dan pemantauan Pelan Strategik, KPI dan SOP;
 - tiada SOP disediakan bagi perolehan, pengurusan promosi penganjuran PIH2F dan program pembangunan usahawan seperti latihan, kursus, bengkel dan seminar;
 - PHI tidak menyediakan Pelan Strategik bagi tahun 2020 dan 2021; dan
 - Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan sejak penubuhan PHI.
- Dari segi aspek kedudukan kewangan, PHI berada pada tahap stabil.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - menambah baik pengurusan perbelanjaan dan perolehan bagi aktiviti promosi dengan mematuhi SOP yang ditetapkan dan SOP perlu dikaji semula dan diperkemaskan dari semasa ke semasa jika berlaku perubahan;
 - memantau status pensijilan halal terhadap syarikat yang beroperasi di TPHPP agar status Halal Malaysia (HALMAS) dapat dikekalkan; dan
 - meningkatkan amalan tadbir urus korporat berdasarkan semua amalan terbaik mengenai peranan dan fungsi Lembaga Pengarah; KPE; Setiausaha Syarikat; SOP; Pelan Strategik dan KPI; penubuhan Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam.

2. PENANG HALAL INTERNATIONAL SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

11.08.2008 Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965	RM3.86 Juta Geran diterima bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022	<ul style="list-style-type: none">• 21 Promosi Industri Halal• 16 Program Pembangunan Usahawan Tahun 2020 hingga 2022
Objektif penubuhan	<ul style="list-style-type: none">• Menjalankan aktiviti perniagaan bagi mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dan melaksanakan program pembangunan usahawan	
Aktiviti utama	<ul style="list-style-type: none">• Mempromosi industri halal dan program pembangunan usahawan	
Syarikat induk	<ul style="list-style-type: none">• Milik penuh Perbadanan Ketua Menteri	
Jenis syarikat	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat berhad menurut syer	
Modal berbayar	<ul style="list-style-type: none">• RM1 juta	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI) dahulunya dikenali PIHH Development Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 11 Ogos 2008 sebagai syarikat berhad menurut syer dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta. PHI merupakan syarikat Kerajaan Negeri yang tidak berorientasikan keuntungan, dimiliki oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebelum bertukar milik kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) mulai 4 November 2020. PHI dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.


1.2. Objektif utama penubuhan PHI menurut Perlembagaan Syarikat adalah untuk mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dan melaksanakan program pembangunan usahawan bagi perniagaan industri halal. Visi PHI adalah untuk menjadi rakan pembangunan terunggul dalam membangunkan ekosistem perniagaan halal yang mampan di Malaysia. Misi PHI pula adalah untuk memimpin dan memupuk pemain industri halal tempatan menjadi peneraju pasaran yang bertanggungjawab dan progresif, serta untuk memudahkan pemain industri dalam membangunkan perniagaan halal di dalam dan luar negara.

1.3. Aktiviti utama PHI adalah untuk mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dengan mengadakan pameran dan misi perdagangan di dalam dan luar negara. Di samping itu, PHI juga melaksanakan program pembangunan usahawan dengan mengadakan kursus, latihan, bengkel, seminar dan webinar kepada usahawan bagi mengembangkan perniagaan dan mendapatkan pensijilan halal.

1.4. PHI telah menerima geran berjumlah RM3.86 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu masing-masing RM1 juta bagi tahun 2020 dan 2021 serta RM1.86 juta pada tahun 2022.

1.5. Setakat 31 Mac 2023, PHI mempunyai tiga ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas dan empat ahli berstatus bukan bebas. Pengurusan PHI diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 10 pegawai berjawatan tetap dan kontrak. PHI mempunyai sembilan bahagian iaitu Jualan dan Pemasaran; Kewangan dan Sumber Manusia; Pentadbiran; Pelaburan dan Penyelidikan; Pembangunan Perniagaan; Komunikasi Korporat dan Inovasi Digital; Pengurusan Acara; Pengurusan Data; serta Perhubungan Awam dan Komunikasi. Carta organisasi PHI yang dikemas kini setakat 31 Mac 2023 adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1
CARTA ORGANISASI PHI**



Sumber: Carta Organisasi PHI

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PHI melalui pengurusan aktiviti promosi industri halal dan program pembangunan usahawan yang cekap, berhemat dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua perkara yang dinilai ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Pencapaian output dinilai berdasarkan bilangan promosi industri halal dan bilangan program pembangunan usahawan. Pencapaian keberhasilan pula dinilai melalui sambutan terhadap promosi dan program, kemasukan pelabur di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) serta pengesahan pensijilan halal. Bagi pengurusan aktiviti, penilaian dibuat bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023 terhadap tiga perkara iaitu pengurusan geran, pengurusan promosi dan pengurusan program pembangunan usahawan.

3.2. Pengauditan juga melibatkan lapan aspek tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023 iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat PHI yang terletak di Tingkat 44, KOMTAR, George Town, Pulau Pinang.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PHI serta menganalisis data berkaitan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti juga telah dijalankan pada bulan Februari dan Mac 2023 untuk menentukan aktiviti promosi industri halal dan program pembangunan usahawan dilaksanakan dengan berkesan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4.2. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PHI yang telah diaudit oleh Tetuan AljeffriDean PLT tahun 2020, 2021 dan 2022. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan; perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; dan analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Februari hingga April 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada PHI telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 21 Jun 2023. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Sumber pendapatan utama PHI adalah melalui penerimaan geran dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membiayai perbelanjaan operasi (aktiviti) dan pentadbiran. Aktiviti utama PHI adalah mempromosikan industri halal di Pulau Pinang di dalam dan luar negara seperti mengadakan pameran dan misi perdagangan. PHI juga menganjurkan program pembangunan usahawan dengan mengadakan kursus, latihan, bengkel, seminar dan webinar bagi membantu usahawan untuk pensijilan halal, kesedaran halal, perkembangan perniagaan dan hubungan perniagaan. Keberhasilan dari aktiviti utama PHI adalah sambutan peserta dan pengunjung terhadap promosi dan program, kemasukan pelabur dan pensijilan halal. Model perniagaan PHI adalah seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2
MODEL PERNIAGAAN PHI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output dinilai berdasarkan dua aktiviti utama syarikat iaitu pencapaian bilangan promosi industri halal dan pencapaian bilangan program pembangunan usahawan.

5.1.1.1. Pencapaian Bilangan Promosi Industri Halal


- a. PHI telah menyediakan perancangan aktiviti promosi bagi tahun 2020 hingga 2022. Perancangan aktiviti promosi telah menetapkan 20 sasaran bilangan promosi yang akan dilaksanakan di dalam dan luar negara bagi tahun 2020 hingga 2022.
- b. Semakan Audit mendapati sasaran tidak dicapai bagi tahun 2020 dan 2021 di mana hanya dua (28.6%) daripada tujuh dan dua (50%) daripada empat sasaran dicapai masing-masing. Bagaimanapun, pada tahun 2022, pencapaian telah melebihi sasaran iaitu 17 (188.9%) berbanding sembilan sasaran. Menurut PHI, tiada promosi luar negara dilaksanakan pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan pandemik Covid-19 serta sekatan perjalanan. **Secara keseluruhannya untuk tempoh tahun 2020 hingga 2022 sebanyak 21 bilangan promosi dicapai (105%) berbanding 20 sasaran.** Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1** dan **Carta 3**.

JADUAL 1
PRESTASI PENCAPAIAN BILANGAN PROMOSI YANG DILAKSANAKAN
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	TAHUN	PROMOSI	BILANGAN PROMOSI		PRESTASI (%)
			SASARAN	SEBENAR	
1.	2020	a. Dalam Negara	4	2	
		b. Luar Negara	3	0	
JUMLAH			7	2	28.6
2.	2021	a. Dalam Negara	1	2	
		b. Luar Negara	3	0	
JUMLAH			4	2	50.0
3.	2022	a. Dalam Negara	4	12	
		b. Luar Negara	5	5	
JUMLAH			9	17	188.9
JUMLAH KESELURUHAN			20	21	105.0

Sumber: Rekod Promosi dan Perancangan Aktiviti

**CARTA 3
PENCAPAIAN BILANGAN PROMOSI YANG
DILAKSANAKAN BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH
TAHUN 2020 HINGGA 2022**



Sumber: Rekod Promosi dan Perancangan Aktiviti

- c. Analisis Audit mendapati trend bilangan promosi telah menunjukkan peningkatan. Bilangan promosi di dalam dan luar negara yang dilaksanakan telah meningkat daripada dua pada tahun 2020 dan 2021 kepada 17 pada tahun 2022. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**. Peningkatan bilangan promosi pada tahun 2022 adalah disebabkan PHI menerima geran RM1.86 juta pada tahun 2022 dan menggunakan baki geran dari tahun sebelumnya untuk melaksanakan aktiviti promosi melebihi sasaran yang ditetapkan.

**JADUAL 2
BILANGAN PROMOSI YANG DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022**

BIL.	SENARAI PROMOSI	BILANGAN PROMOSI			JUMLAH
		2020	2021	2022	
a. DALAM NEGARA					
1.	Selangor International Halal Convention	-	-	1	1
2.	Sabah International Women Entrepreneur Expo	-	-	1	1
3.	Plaza Ramadan	-	-	1	1
4.	Penang International Halal Expo & Conference	-	-	1	1
5.	Malaysia Food & Beverage Expo	-	-	1	1
6.	Malaysia International Halal Showcase	-	1	1	2
7.	Johor International Islamic & Halal Festival	-	-	1	1
8.	Selangor International Business Summit	-	1	1	2
9.	World Islamic Economic Forum	-	-	1	1
10.	Karnival Keusahawanan & Kerjaya Malaysia	-	-	1	1
11.	Malaysia Digital Dialogue	-	-	1	1
12.	Penang International Halal Food & Heritage Festival	-	-	1	1

BIL.	SENARAI PROMOSI	BILANGAN PROMOSI			JUMLAH
		2020	2021	2022	
13.	International Halal Food & Hospitality Virtual Exhibition	1	-	-	1
14.	International Inspirasi Khadijah Virtual	1	-	-	1
b. LUAR NEGARA					
1.	Ho Chi Minh City International Exhibition Food & Beverages (Vietnam)	-	-	1	1
2.	Trade Expo Indonesia	-	-	1	1
3.	Geylang Serai Food Festival (Singapura)	-	-	1	1
4.	9th OIC Halal Expo (Turki)	-	-	1	1
5.	Meeting with the Cordoba City Council (Sepanyol)	-	-	1	1
JUMLAH		2	2	17	21

Sumber: Rekod Promosi PHI

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI akan berusaha untuk memastikan bilangan promosi yang dijalankan mengikut sasaran yang telah ditetapkan.

Pendapat Audit | Pencapaian output bagi bilangan promosi secara keseluruhannya adalah baik kerana sebanyak 21 promosi (105%) telah dilaksanakan berbanding sasaran sejak tahun 2020.

5.1.1.2. Pencapaian Bilangan Program Pembangunan Usahawan


- a. PHI telah menyediakan perancangan aktiviti program pembangunan usahawan bagi tahun 2020 hingga 2022. Perancangan telah menetapkan 24 sasaran bilangan program pembangunan usahawan yang akan dilaksanakan bagi tahun 2020 hingga 2022.
- b. Semakan Audit mendapati sasaran tidak dicapai bagi tahun 2020 dan 2021 di mana hanya empat (44.4%) daripada sembilan dan lima (62.5%) daripada lapan sasaran dicapai masing-masing. Bagaimanapun, sasaran telah dicapai sepenuhnya iaitu tujuh (100%) pada tahun 2022. **Secara keseluruhannya untuk tempoh tahun 2020 hingga 2022 sebanyak 16 bilangan program dicapai (66.7%) berbanding 24 sasaran.** Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 4**.

JADUAL 3
PRESTASI PENCAPAIAN BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN
USAHAWAN YANG DILAKSANAKAN BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	TAHUN	BILANGAN PROGRAM		PRESTASI (%)
		SASARAN	SEBENAR	
1.	2020	9	4	44.4
2.	2021	8	5	62.5
3.	2022	7	7	100
JUMLAH		24	16	66.7

Sumber: Rekod Program dan Perancangan Aktiviti

CARTA 4
PENCAPAIAN BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022



Sumber: Rekod Program dan Perancangan Aktiviti

- c. Analisis Audit mendapati trend bilangan program yang dilaksanakan telah menunjukkan peningkatan tahun demi tahun. Daripada empat pada tahun 2020 kepada lima pada tahun 2021 dan terus meningkat kepada tujuh pada tahun 2022. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**. Menurut PHI, bilangan program pada tahun 2020 dan 2021 tidak mencapai sasaran disebabkan pandemik Covid-19 serta sekatan perjalanan.

JADUAL 4
BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN YANG DILAKSANAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	SENARAI PROGRAM	BILANGAN PROGRAM			JUMLAH
		2020	2021	2022	
a. KURSUS					
1.	Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia	1	2	2	5
b. LATIHAN					
1.	Halal Intensive Training Course	1	-	-	1
2.	Halal Business Training	-	-	1	1
c. BENGKEL					
1.	E-Commerce Made Easy @ Shopee	2	-	-	2
2.	Bengkel Penyelarasan - Peranan Penang Halal International dan Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP	-	-	1	1
d. SEMINAR					
1.	Seminar Kesedaran Halal kepada Pengusaha Kantin & Kafe USM	-	-	1	1
2.	Sesi Soal Jawab Pensijilan Halal Malaysia	-	-	1	1
e. WEBINAR					
1.	Webinar: Accelerate Business Growth through Intellectual Property & Digital	-	1	-	1
2.	Webinar: Mulakan Perniagaan E-Dagang Anda di Penang E-Mall @Shopee	-	1	-	1
3.	Webinar: Braving Post-Pandemic Challenges	-	1	-	1
4.	Webinar: Sell to China	-	-	1	1
JUMLAH		4	5	7	16

Sumber: Rekod Program Pembangunan Usahawan PHI

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI akan berusaha untuk memastikan bilangan program pembangunan usahawan yang dijalankan mengikut sasaran yang telah ditetapkan.

Pendapat Audit | **Pencapaian output bagi bilangan program pembangunan usahawan secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah memuaskan iaitu 66.7%.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan terhadap promosi industri halal yang dilaksanakan oleh PHI boleh diukur berdasarkan tiga faktor iaitu sambutan peserta dan pengunjung terhadap promosi dan program yang dilaksanakan, kemasukan pelaburan halal di TPHPP dan bilangan syarikat yang mendapat pengesahan pensijilan halal.

5.1.2.1. Sambutan Terhadap Promosi dan Program

- a. Berdasarkan senarai promosi dan program yang dilaksanakan, PHI perlu membuat analisis terhadap bilangan pencapaian sambutan peserta dan pengunjung bagi melihat keberkesanan promosi dan program yang dilaksanakan. Bilangan peserta yang menyertai promosi dan program serta bilangan kehadiran pengunjung dijadikan penilaian terhadap kejayaan promosi dan program yang dilaksanakan.
- b. Peserta promosi merupakan syarikat tempatan yang turut serta dalam aktiviti promosi yang dilaksanakan oleh PHI di dalam dan luar negara. Peserta program pembangunan usahawan pula merupakan syarikat yang mengikuti kursus atau latihan yang dilaksanakan bagi mendapat ilmu pengetahuan dalam perniagaan industri halal.
- c. Analisis Audit terhadap senarai peserta mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, **bilangan peserta yang menyertai promosi dan program yang dianjurkan oleh PHI adalah sebanyak 1,976 peserta**. Bilangan peserta pada tahun 2020 ialah 380 dan telah menurun kepada 338 pada tahun 2021. Bagaimanapun bilangan peserta meningkat semula kepada 1,258 pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan bilangan promosi dan program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh PHI. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SAMBUTAN PESERTA TERHADAP PROMOSI DAN PROGRAM
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	AKTIVITI		BILANGAN PESERTA			
			2020	2021	2022	JUMLAH
1.	Promosi	a. Dalam Negara	75	-	244	319
		b. Luar Negara	-	-	10	10
2.	Program Pembangunan Usahawan	a. Kursus	120	207	587	914
		b. Latihan	25	-	40	65
		c. Bengkel	160	-	14	174
		d. Seminar	-	-	280	280
		e. Webinar	-	131	83	214
JUMLAH			380	338	1,258	1,976

Sumber: Rekod Promosi dan Program Pembangunan Usahawan PHI

- d. Analisis Audit selanjutnya mendapati bilangan peserta promosi dalam negara bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 ialah 319 peserta, manakala 10 peserta terlibat dengan promosi di luar negara pada tahun 2022. Promosi dalam negara seperti PIHEC dan PIH2F pada tahun 2022 merekodkan bilangan peserta yang tinggi iaitu 151 dan 48 peserta disebabkan PHI merupakan penganjur promosi tersebut. Bilangan peserta bagi promosi di luar negara pula hanya 10 peserta bagi dua daripada lima aktiviti promosi yang disertai.
- e. Program pembangunan usahawan bagi kursus telah menyumbang kepada bilangan peserta tertinggi iaitu mencapai 914 orang. Kursus berkaitan dengan pensijilan halal dapat menarik penyertaan sebanyak 120 peserta pada tahun 2020, 207 peserta pada tahun 2021 dan 587 peserta pada tahun 2022. Menurut PHI, kehadiran peserta dalam program pembangunan usahawan dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan pensijilan halal dan meningkatkan kemahiran dalam bidang perniagaan.
- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod penganjuran PIHEC dan PIH2F mendapati **jumlah kehadiran pengunjung bagi PIHEC adalah 15,000 orang manakala PIH2F adalah 60,000 orang.** PIHEC tidak diadakan pada tahun 2020 dan 2021 kerana pandemik Covid-19, manakala PIH2F pula hanya diadakan pertama kali pada tahun 2022.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI akan berusaha untuk memastikan lebih banyak bilangan peserta dapat menyertai promosi dan program yang dianjurkan oleh PHI berdasarkan bajet yang diperuntukkan. Pada tahun 2023, PHI merancang untuk meningkatkan bilangan peserta dan syarikat bagi promosi di dalam dan luar negara.

Pendapat Audit | **Pencapaian keberhasilan bagi sambutan terhadap promosi dan program adalah baik kerana terdapat peningkatan bilangan penyertaan peserta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Selain itu pada tahun 2022, penganjuran PIHEC dan PIH2F mendapat sambutan ramai daripada pengunjung.**

5.1.2.2. Kemasukan Pelabur di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP)

- a. TPHPP yang dimiliki oleh PDC merupakan salah satu Taman Halal di Malaysia yang telah menerima kelulusan status Halal Malaysia (HALMAS) dari Halal Industry Development Corporation (HDC). PHI mempromosikan TPHPP bagi menarik pelabur dalam industri halal di Pulau Pinang dengan membina kilang yang mengeluarkan produk halal.
- b. TPHPP terletak di Penang Science Park, Simpang Ampat, Pulau Pinang di daerah Seberang Perai Selatan. Projek ini dibangunkan oleh PDC meliputi tanah di Fasa 1 seluas 54.2 ekar mulai tahun 2010 dan Fasa 2 seluas 81 ekar mulai tahun 2015.
- c. Semakan Audit mendapati **jumlah kemasukan bilangan pelabur di TPHPP bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah sebanyak tujuh syarikat dengan nilai pelaburan berjumlah RM260.20 juta melibatkan keluasan tanah 17.9 ekar.** Secara keseluruhannya, sejak TPHPP dibangunkan sehingga bulan Disember 2022, sejumlah 105.3 ekar tanah telah dijual oleh PDC kepada 39 pelabur dengan nilai pelaburan berjumlah RM893.66 juta. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
KEMASUKAN PELABUR DI TPHPP BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN PELABUR	KELUASAN TANAH (EKAR)	PELABURAN (RM Juta)
2020	1	2.6	16.50
2021	4	5.7	31.20
2022	2	9.6	212.50
JUMLAH	7	17.9	260.20
2010 hingga 2019	32	87.4	633.46
JUMLAH KESELURUHAN	39	105.3	893.66

Sumber: PDC - Senarai Pelabur di TPHPP

- d. Analisis Audit mendapati jumlah pelaburan TPHPP telah meningkat daripada RM16.50 juta pada tahun 2020 kepada RM31.20 juta pada tahun 2021. Jumlah pelaburan terus meningkat pada tahun 2022 kepada RM212.50 juta. Peningkatan jumlah pelaburan yang tinggi pada tahun 2022 disebabkan satu syarikat telah melabur sejumlah RM187.5 juta bagi pembinaan kilang di atas tanah seluas tujuh ekar.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI akan berusaha untuk mempromosikan baki plot tanah yang ada.

Pendapat Audit | **Pencapaian keberhasilan kemasukan pelabur di TPHPP bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah baik kerana berlaku peningkatan pelaburan setiap tahun.**

5.1.2.3. Pengesahan Pensijilan Halal

- a. PHI menganjurkan Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). Bahagian Pengurusan Halal bertanggungjawab menguruskan permohonan pensijilan halal daripada syarikat, manakala pengesahan pensijilan halal pula dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada syarikat yang layak.

- b. Semakan Audit terhadap rekod daripada JAKIM mengenai statistik bilangan syarikat yang mendapat pengesahan pensijilan halal di Pulau Pinang mendapati bilangan pengesahan pensijilan halal di Pulau Pinang ialah 707 syarikat pada tahun 2020, 712 pada tahun 2021 dan 683 pada tahun 2022. **Jumlah keseluruhan pengesahan pensijilan halal bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah sebanyak 2,102 syarikat iaitu secara puratanya 701 syarikat setiap tahun.** Maklumat lanjut mengenai bilangan pengesahan pensijilan halal di Pulau Pinang mengikut status syarikat dan jenis industri adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
STATISTIK PENGESAHAN PENSIJILAN HALAL NEGERI PULAU PINANG
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	STATUS SYARIKAT	JENIS INDUSTRI	BILANGAN SYARIKAT		
			2020	2021	2022
1.	Bumiputera	Industri Kecil	114	125	90
		Industri Kecil dan Sederhana	13	15	13
		Multinasional	10	8	10
2.	Bukan Bumiputera	Industri Kecil	309	326	313
		Industri Kecil dan Sederhana	145	120	132
		Multinasional	116	118	125
JUMLAH			707	712	683
JUMLAH KESELURUHAN			2,102		

Sumber: Rekod JAKIM

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati maklumat mengenai syarikat yang mendapat pengesahan pensijilan halal daripada program pembangunan usahawan yang dianjurkan tidak diselenggara oleh PHI. Perkara ini disebabkan syarikat yang memohon pensijilan halal akan berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP tanpa melalui PHI. Oleh itu, PHI tidak dapat mengukur keberkesanan program yang dilaksanakan.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk mempromosikan halal dan bekerjasama rapat dengan Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP bagi penganjuran kursus kesedaran halal kepada usahawan. PHI akan berusaha untuk menambah baik maklumat mengenai syarikat yang telah berjaya mendapat pengesahan pensijilan halal melalui penyertaan dalam program yang dianjurkan oleh PHI. PHI juga akan bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP bagi mendapatkan maklumat tersebut.

Pendapat Audit | Pencapaian keberhasilan bagi pengesahan pensijilan halal adalah baik kerana kadar purata bilangan syarikat yang mendapat sijil halal adalah setara iaitu sebanyak 701 syarikat setiap tahun bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pengurusan Geran

- a. Berdasarkan surat kelulusan pemberian geran oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tujuan pemberian geran adalah bagi menampung perbelanjaan aktiviti syarikat seperti kos operasi dan kos pentadbiran. PHI telah menerima geran masing-masing berjumlah RM1 juta bagi tahun 2020 dan 2021 serta RM1.86 juta pada tahun 2022. Selain itu, Lembaga Pengarah juga telah meluluskan bajet perbelanjaan PHI setiap tahun bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, **PHI telah membelanjakan sejumlah RM3.61 juta (93.5%) daripada RM3.86 juta geran yang diterima.** Baki geran bagi tempoh tersebut berjumlah RM251,306 manakala baki geran terkumpul pada 31 Disember 2022 ialah RM273,246. Perbelanjaan geran bagi tahun 2020 dan 2021 masing-masing berjumlah RM828,656 (82.9%) dan RM779,903 (78%). Bagi tahun 2022 pula, perbelanjaan berjumlah RM2,002,071 (107.5%) merupakan perbelanjaan tertinggi bagi tempoh tiga tahun tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 5**. Perbelanjaan geran kurang 90% berbanding geran yang diterima pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan aktiviti promosi di dalam dan luar negara tidak dapat dijalankan berikutan pandemik Covid-19 dan sekatan perjalanan.

JADUAL 8
PENERIMAAN DAN PERBELANJAAN GERAN BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	PERKARA	TAHUN (RM)			JUMLAH (RM)
		2020	2021	2022	
PENERIMAAN GERAN					
1.	Jabatan Kewangan Negeri	500,000	1,000,000	1,861,936	3,361,936
2.	PDC	500,000	-	-	500,000
JUMLAH PENERIMAAN		1,000,000	1,000,000	1,861,936	3,861,936
PERBELANJAAN GERAN					
1.	Kos Operasi	30,459	-	1,075,949	1,106,408
2.	Kos Pentadbiran	798,197	779,903	926,122	2,504,222


BIL.	PERKARA	TAHUN (RM)			JUMLAH (RM)
		2020	2021	2022	
	JUMLAH PERBELANJAAN	828,656	779,903	2,002,071	3,610,630
	BAKI GERAN	171,344	220,097	(140,135)	251,306
	BAKI GERAN TERKUMPUL	368,510	588,607	273,246	
	PERBELANJAAN (%)	82.9	78.0	107.5	93.5

Sumber: Rekod Penerimaan Geran dan Penyata Kewangan Beraudit PHI

Nota: Kos Operasi - perbelanjaan promosi dan program

Kos Pentadbiran - Kos staf, sewa pejabat, caj perkhidmatan bangunan, cetakan dan lain-lain

**CARTA 5
PENERIMAAN DAN PERBELANJAAN GERAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022**



Sumber: Rekod Penerimaan Geran dan Penyata Kewangan Beraudit PHI

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi perbelanjaan operasi PHI bagi aktiviti promosi dan program yang dilaksanakan berbanding bajet yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah antara 0% dan 166.8%. Selain geran, perbelanjaan operasi juga dibiayai dari Kerajaan Negeri, bayaran peserta dan penajaan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 9**. Peningkatan perbelanjaan operasi pada tahun 2022 disebabkan PHI menerima geran berjumlah RM1.86 juta lebih dari tahun sebelumnya yang membolehkan PHI melaksanakan aktivitinya.

JADUAL 9
PRESTASI PERBELANJAAN OPERASI MENGGUNAKAN
GERAN YANG DITERIMA BERBANDING BAJET
BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	PERKARA	TAHUN (RM)			JUMLAH (RM)
		2020	2021	2022	
BAJET PERBELANJAAN OPERASI		810,000	761,000	645,000	2,216,000
PERBELANJAAN OPERASI:					
1.	Promosi Industri Halal	102,383	1,590	2,469,393	2,573,366
2.	Program Pembangunan Usahawan	11,988	15,695	59,758	87,441
JUMLAH		114,371	17,285	2,529,151	2,660,807
PEMBIAYAAN PERBELANJAAN (SELAIN GERAN):					
1.	Kerajaan Negeri	-	17,285	791,942	809,227
2.	Bayaran Penyertaan	46,912	-	400,260	447,172
3.	Penajaan	37,000	-	261,000	298,000
JUMLAH		83,912	17,285	1,453,202	1,554,399
PERBELANJAAN OPERASI MENGGUNAKAN GERAN		30,459	0	1,075,949	1,106,408
PERBELANJAAN OPERASI MENGGUNAKAN GERAN BERBANDING BAJET (%)		3.8	0.0	166.8	49.9

Sumber: Rekod Bajet, Rekod Promosi dan Program, Lejar Am

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

Setiap tahun PHI akan memastikan terdapat baki pada setiap hujung tahun bagi menampung kos operasi syarikat untuk tahun seterusnya sementara menunggu penyaluran geran baharu untuk dikreditkan ke dalam akaun berikutan tiada tarikh spesifik bagi penyaluran geran tersebut. Perbelanjaan pada tahun 2021 adalah terendah disebabkan oleh pandemik Covid-19 dan aktiviti fizikal tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang.

Pendapat Audit | **Pengurusan geran adalah cekap kerana bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, PHI telah membelanjakan 93.5% daripada keseluruhan geran yang diterima.**

5.2.2. Pengurusan Promosi

Aktiviti utama PHI adalah bagi mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dengan mengadakan pameran dan misi perdagangan di dalam dan luar negara. Bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023, PHI telah berjaya melaksanakan lapan promosi di dalam negeri Pulau Pinang, 11 promosi di luar negeri Pulau Pinang dan lima promosi di luar negara.

5.2.2.1. Promosi Dalam Negeri Pulau Pinang

PHI mengadakan promosi bagi memperkenalkan industri halal di Pulau Pinang dengan menganjurkan PIHEC dan PIH2F.

a. Pengurusan Penang International Halal Expo & Conference 2022 (PIHEC)

- i. PIHEC merupakan aktiviti promosi tahunan yang dilaksanakan oleh PHI mulai tahun 2010 yang dibiayai melalui sumbangan Kerajaan negeri, penajaan pakej, jualan *booth* pameran dan lain-lain penajaan. PIHEC ialah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memartabatkan industri halal tempatan ke persada pasaran industri halal global.
- ii. Objektif PIHEC adalah untuk mewujudkan satu platform bagi usahawan untuk mempromosi dan memasarkan produk perkhidmatan halal ke peringkat domestik dan antarabangsa melalui pameran serta sesi pepadanan perniagaan.
- iii. PHI ada menyediakan bajet bagi perbelanjaan penganjuran PIHEC yang dilaksanakan pada 1 hingga 3 Julai 2022 dan telah dibenteng serta diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2022 bertarikh 5 April 2022.
- iv. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.94 juta telah dibelanjakan berbanding RM0.73 juta bajet yang diluluskan bagi perbelanjaan PIHEC 2022 menyebabkan lebihan perbelanjaan sejumlah RM203,228 (27.7%). **Lebihan perbelanjaan ini tidak dibenteng untuk kelulusan Lembaga Pengarah terlebih dahulu dan ditampung dengan menggunakan geran tahunan yang diterima.** Perkara ini berlaku kerana PHI tidak mengambil maklum keperluan untuk mendapat kelulusan terlebih dahulu bagi perbelanjaan yang melebihi bajet yang diluluskan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERBELANJAAN MELEBIHI BAJET
YANG DILULUSKAN BAGI PENGANJURAN PIHEC 2022

BAJET YANG DILULUSKAN (RM)	PERBELANJAAN		
	SEBENAR (RM)	LEBIHAN (RM)	PERATUS LEBIHAN (%)
733,700	936,928	203,228	27.7

Sumber: Lejar Perbelanjaan PIHEC

- v. Berdasarkan Minit Mesyuarat Bilangan 2/2022 bertarikh 5 April 2022, Lembaga Pengarah telah meluluskan tiga pakej penajaan PIHEC iaitu pakej platinum (RM100,000), pakej emas (RM75,000) dan pakej perak (RM50,000).
- vi. Risalah promosi PIHEC yang telah diedarkan memaparkan maklumat penaja ialah satu penaja pakej platinum, tiga penaja pakej emas dan satu penaja pakej perak. Mengikut bilangan tajaan tersebut, pendapatan yang sepatutnya diterima PHI ialah sebanyak RM375,000.
- vii. Semakan Audit terhadap lejar PIHEC mendapati pendapatan sebenar penajaan ialah RM245,000 iaitu terkurang RM130,000. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENDAPATAN PENAJAAN PIHEC 2022

BIL.	PAKEJ PENAJAAN	BILANGAN PENAJA	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	
			MENGIKUT PAKEJ	DITERIMA
1.	Penaja Platinum (RM100,000)	1	100,000	75,000
2.	Penaja Emas (RM75,000)	3	225,000	150,000
3.	Penaja Perak (RM50,000)	1	50,000	20,000
JUMLAH			375,000	245,000
PERBEZAAN			(130,000)	

Sumber: Senarai Pendaftaran dan Penyertaan PIHEC

- viii. Menurut PHI, perbezaan berjumlah RM130,000 disebabkan pengurangan harga bagi pakej penajaan tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **pengurangan harga pakej penajaan ini dibuat tanpa makluman dan kelulusan Lembaga Pengarah terlebih dahulu.**

- ix. Perkara ini berlaku disebabkan PHI tidak mengambil maklum keperluan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga Pengarah. Kurangan harga penajaan ini telah memberi kesan terhadap pendapatan PIHEC seterusnya PHI perlu menampung perbelanjaan dan menggunakan geran tahunan yang diterima.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023 dan 22 Ogos 2023

Lebih perbelanjaan PIHEC 2022 adalah disebabkan oleh kos luar jangka. PHI juga tidak dapat membuat anggaran yang sebenar memandangkan tiada penganjuran PIHEC bagi tahun 2020 dan 2021. PHI akan berusaha untuk menambah baik perancangan perbelanjaan PIHEC 2023 dengan menjadikan PIHEC 2022 sebagai sumber rujukan.

Perbelanjaan yang digunakan bagi penganjuran PIHEC 2022 telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023. PHI diminta menyediakan maklumat lengkap untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Proses rundingan harga pakej penajaan merupakan satu keperluan dalam mendapatkan penajaan sesuatu acara bagi memastikan PHI mendapat tajaan tersebut. Pengurangan pakej penajaan PIHEC ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023.

b. Pengurusan Penang International Halal Food & Heritage Festival 2022 (PIH2F)

- i. PIH2F merupakan aktiviti promosi PHI berkaitan festival makanan dan warisan yang melibatkan perniagaan secara *business to customer* (B2C) oleh usahawan di Pulau Pinang, negeri lain di Malaysia dan rantau ASEAN.
- ii. PIH2F pertama kali dianjurkan oleh PHI pada 17 dan 18 Disember 2022 di Padang Kota, Pulau Pinang. Ini merupakan peringkat pengenalan untuk memberi peluang kepada usahawan makanan dan minuman (F&B) halal yang baharu untuk mempromosikan produk ke pasaran yang lebih luas.

- iii. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 4/2022 bertarikh 13 Disember 2022 telah meluluskan bajet perbelanjaan bagi aktiviti PIH2F berjumlah RM385,357. Objektif PIH2F adalah untuk memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang terkenal dengan keunikan makanan halal dan budaya. Selain itu, PIH2F sebagai platform kepada usahawan tempatan untuk mempromosi makanan halal terutamanya kepada pelancong dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan dalam kalangan usahawan.
- iv. PHI telah menyediakan 58 *booth* bagi penganjuran PIH2F. Berdasarkan rekod pendaftaran, jualan *booth* mendapat sambutan yang baik kerana 55 daripada 58 *booth* telah terjual. Jualan *booth* ini melibatkan 51 *booth* (87.9%) kepada usahawan dan empat *booth* (6.9%) kepada agensi kerajaan dan swasta dengan pendapatan berjumlah RM21,088.
- v. Semakan Audit mendapati perbelanjaan PIH2F berjumlah RM378,300 manakala perbelanjaan yang dibiayai oleh PHI berjumlah RM357,212. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PIH2F BAGI TAHUN 2022

BIL.	JENIS	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
PENDAPATAN		
1.	Jualan <i>Booth</i>	21,088
JUMLAH PENDAPATAN		21,088
PERBELANJAAN		
1.	Pemasangan <i>Booth</i> & Gerai Jualan	60,638
2.	Promosi & Pengiklanan	51,660
3.	Audio & Lampu	75,000
4.	Pengurus Acara	157,880
5.	Pengacara Majlis	10,390
6.	Jurukamera & Videografi	9,300
7.	Rekagrafik	4,500
8.	Lain-lain Kos	8,932
JUMLAH PERBELANJAAN		378,300
PERBELANJAAN YANG DIBIYAI		357,212

Sumber: Fail PIH2F

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI akan berusaha untuk mendapatkan penajaan bagi penganjuran PIH2F pada tahun 2023.

5.2.2.2. Promosi Luar Negeri Pulau Pinang

- a. Perancangan aktiviti promosi bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 dan KPI bagi tahun 2023 telah dibentang dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah berkenaan promosi tahunan. PHI telah menyertai promosi di luar negeri Pulau Pinang seperti di negeri Selangor, Johor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. PHI juga turut membawa usahawan sebagai peserta bersama menyertai promosi bagi memperkenalkan produk halal yang dikeluarkan di negeri Pulau Pinang.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023, PHI telah menyertai sembilan promosi yang dijalankan di luar Pulau Pinang dengan penyertaan oleh 44 usahawan. Perbelanjaan promosi bagi tempoh tersebut berjumlah RM432,555. Maklumat promosi di luar negeri Pulau Pinang adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PROMOSI DI LUAR NEGERI PULAU PINANG
YANG DISERTAI BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA BULAN MAC 2023

BIL.	AKTIVITI/PROMOSI	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PENYERTAAN USAHAWAN	PERBELANJAAN (RM)
TAHUN 2020					
1.	International Halal Food & Hospitality Virtual Exhibition	3 hingga 5 November 2020	Kuala Lumpur (Virtual)	6	19,981
TAHUN 2021					
1.	Malaysia International Halal Showcase	9 September hingga 31 Disember 2021	Kuala Lumpur (Virtual)	-	1,590
2.	Selangor International Business Summit 2021	18 hingga 21 November 2021	Selangor (Virtual)	-	-
TAHUN 2022					
1.	Selangor International Halal Convention	4 hingga 6 Mac 2022	Shah Alam Convention Centre, Selangor	7	60,770
2.	Sabah International Women Entrepreneur	10 hingga 13 Mac 2022	Sabah International Convention Centre	7	80,143
3.	Malaysia International Halal Showcase	7 hingga 10 September 2022	Malaysia International Trade and Exhibition Centre, Kuala Lumpur	6	101,030
4.	Johor International Islamic & Halal Festival	29 September hingga 2 Oktober 2022	Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru	2	16,677

BIL.	AKTIVITI/PROMOSI	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PENYERTAAN USAHAWAN	PERBELANJAAN (RM)
5.	Selangor International Business Summit 2022	6 hingga 9 Oktober 2022	Kuala Lumpur City Centre	8	88,512
TAHUN 2023					
1.	Selangor International Halal Convention	10 hingga 12 Mac 2023	PWTC Kuala Lumpur	8	63,852
JUMLAH				44	432,555

Sumber: Perbelanjaan Promosi

- c. Berdasarkan laporan pelaksanaan program yang disediakan oleh PHI mendapati PHI ada menyenaraikan usahawan yang terlibat dengan aktiviti promosi tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan tersebut mendapati **tiada maklumat mengenai kejayaan usahawan setelah menyertai promosi yang diadakan.** Oleh itu, kejayaan usahawan yang menyertai promosi tidak dapat diukur kerana tiada rekod diselenggara oleh PHI. Tiada susulan lanjut terhadap peserta program yang telah mengikuti aktiviti promosi.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI akan menambah baik dan mengemas kini rekod kejayaan usahawan yang menyertai promosi bersama PHI. PHI juga telah menyediakan borang maklum balas kepada usahawan bagi setiap promosi yang disertai dan PHI akan memastikan setiap usahawan tersebut memberikan maklum balas selepas selesai acara.

Pendapat Audit | Pengurusan promosi dalam negara adalah cekap kerana PHI berjaya menganjurkan PIHEC dan PIH2F pada tahun 2022 serta menyertai sembilan promosi di negeri lain bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023.

5.2.2.3. Promosi Luar Negara

- a. Berdasarkan perancangan aktiviti promosi bagi tempoh tahun 2022 yang telah dibentangkan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, PHI akan menyertai pameran dan misi perdagangan bagi mempromosikan industri halal di Pulau Pinang. PHI juga membawa usahawan sebagai peserta bersama bagi menyertai promosi memperkenalkan produk halal yang dikeluarkan di negeri Pulau Pinang.

- b. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2022, PHI telah menyertai lima promosi di negara Singapura, Vietnam, Indonesia, Turki dan Sepanyol dengan perbelanjaan berjumlah RM117,421. Bagaimanapun hanya dua promosi sahaja disertai oleh 10 usahawan iaitu promosi di Singapura dan Turki. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN PROMOSI LUAR NEGARA YANG DISERTAI PADA TAHUN 2022

BIL.	AKTIVITI/PROMOSI	TARIKH	NEGARA	BILANGAN PENYERTAAN USAHAWAN	KOS PERBELANJAAN (RM)
1.	Geylang Serai Food Festival	7 hingga 11 September 2022	Singapura	5	33,116
2.	Ho Chi Minh City International Exhibition Food & Beverages	19 hingga 22 Oktober 2022	Vietnam	-	12,728
3.	Trade Expo Indonesia	19 hingga 23 November 2022	Indonesia	-	10,149
4.	9 th OIC Halal Expo	24 hingga 27 November 2022	Turki	5	61,428
5.	Meeting With The Cordoba City Council	25 hingga 27 November 2022	Sepanyol	-	-
JUMLAH				10	117,421

Sumber: Perbelanjaan Promosi PHI Tahun 2022

Nota: (-) Tiada penyertaan usahawan

- c. Menurut PHI, penyertaan usahawan dalam aktiviti promosi di luar negara adalah terhad kerana faktor kewangan, negara penganjur dan ruang pameran yang disediakan tidak mencukupi untuk membawa lebih ramai usahawan menghadiri promosi berkenaan.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

Bagi tahun yang akan datang, PHI dalam perancangan untuk menyertai promosi luar negara yang tidak memerlukan kos yang tinggi bagi membolehkan lebih ramai usahawan dapat menyertai promosi tersebut.

Pendapat Audit | **Pengurusan promosi luar negara adalah cekap kerana PHI telah menyertai lima promosi pada tahun 2022 selepas pandemik Covid-19 dan sekatan perjalanan pada tahun 2020 dan 2021.**

5.2.2.4. Perbelanjaan Aktiviti Promosi

a. Bayaran Elaun Makan

- i. Berdasarkan SOP syarikat yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah mulai bulan Ogos 2021, kadar elaun makan bagi promosi dalam negara ialah RM50 sehari dan boleh dituntut bagi kakitangan yang bertugas di Pulau Pinang pada hari cuti sahaja.
- ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati elaun makan berjumlah RM2,800 bagi PIHEC telah dibayar sebelum penganjuran PIHEC kepada seorang kakitangan PHI untuk diagihkan kepada 10 kakitangan PHI. Bayaran elaun makan tersebut adalah pada kadar RM70 sehari selama empat hari mulai 30 Jun hingga 3 Julai 2022.
- iii. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati dua daripada empat hari tersebut merupakan hari bekerja. Elaun makan yang sepatutnya dibayar kepada 10 kakitangan ialah RM1,000 iaitu pada kadar RM50 sehari pada hari cuti. Oleh itu, **sejumlah RM1,800 elaun makan telah terlebih bayar kepada 10 kakitangan PHI.**
- iv. Semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran bernombor V450/2022 bertarikh 16 Disember 2022 bagi elaun makan PIH2F mendapati PHI telah membuat bayaran kepada 11 kakitangan pada kadar RM100 sehari berjumlah RM2,200. Bayaran sepatutnya adalah pada kadar RM50 sehari berjumlah RM1,100 di mana **PHI telah terlebih bayar berjumlah RM1,100 kepada kakitangannya.**
- v. Ketiadaan pemantauan terhadap pembayaran yang telah dibuat sebelum pelaksanaan PIHEC telah menyebabkan PHI terlebih bayar kepada pegawainya. Selain itu, PHI tidak mengambil maklum terhadap pembayaran perlu dilaksanakan selepas penganjuran PIHEC.

Maklum Balas PHI pada 22 Ogos 2023

Pembayaran elaun makan bagi PIHEC dan PIH2F telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023. Kelulusan Lembaga Pengarah berkaitan elaun makan pada kadar RM70 dan perlu disokong dengan sebarang perbelanjaan selaras SOP yang diluluskan. Lembaga Pengarah juga memohon PHI menyediakan maklumat lengkap bagi lebih bayaran elaun makan PIH2F untuk kelulusan pada mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang. PHI juga akan mengemas kini SOP bagi pengurusan acara PIHEC dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

b. Bayaran Petugas Sukarelawan PIHEC

- i. Berdasarkan bajet PIHEC yang telah dibentang serta diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2022 bertarikh 5 April 2022, PHI telah melantik petugas sukarelawan bagi tempoh 30 Jun hingga 3 Julai 2022 bagi memastikan kelancaran acara PIHEC. Lebih pembayaran kepada petugas sukarelawan hendaklah dikreditkan ke akaun syarikat.
- ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati PHI telah membuat bayaran kepada seorang kakitangan PHI berjumlah RM7,560 sebelum penganjuran PIHEC untuk diagihkan kepada petugas sukarelawan PIHEC.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran sebenar yang telah diagihkan oleh kakitangan PHI kepada petugas sukarelawan ialah RM6,350 di mana terdapat lebih berjumlah RM1,210. Setakat 31 Mac 2023, hanya RM100 daripada jumlah lebih tersebut telah dikreditkan oleh kakitangan tersebut ke dalam akaun PHI pada 4 Julai 2022, manakala **baki lebih berjumlah RM1,110 masih belum dikreditkan.**

Maklum Balas PHI pada 22 Ogos 2023

Lebih bayaran petugas sukarelawan telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023. Lembaga Pengarah bersetuju kakitangan tersebut membuat pembayaran semula ke dalam akaun PHI dalam tempoh lima bulan. Memo arahan pembayaran telah dikeluarkan kepada kakitangan tersebut.

Pendapat Audit | **Perbelanjaan aktiviti promosi adalah kurang berhemat kerana kadar bayaran elaun makan tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah serta tidak mengikut SOP yang ditetapkan serta lebih bayaran yang belum dikreditkan.**

5.2.2.5. Pengurusan Perolehan

a. Pelantikan Kontraktor bagi PIHEC dan PIH2F

- i. Berdasarkan SOP Pembelian SOP/FIN-004 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi perkhidmatan RM50,000 dan ke atas menetapkan kelulusan adalah melalui jawatankuasa tender yang diketuai oleh Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Kewangan dan jabatan yang terlibat.
- ii. Semakan Audit mendapati perolehan perkhidmatan bagi penganjuran PIHEC dan PIH2F yang melibatkan tujuh kontraktor berjumlah RM0.69 juta tidak melalui proses tender. Selain itu semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2022 mendapati **pelantikan kontraktor ini tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
KONTRAKTOR YANG DILANTIK BAGI PENGANJURAN PIHEC DAN PIH2F

BIL.	KONTRAKTOR	PERKHIDMATAN	ACARA	HARGA TENDER (RM)
1.	Syarikat A	<i>Booth Pameran</i>	PIHEC	90,000
2.	Syarikat B	Padanan Perniagaan		28,200
3.	Syarikat C	<i>Virtual Platform</i>		119,999
4.	Syarikat D	<i>Booth Pameran</i>	PIH2F	148,727
5.	Syarikat E	Pengurus Acara		160,000
6.	Syarikat F	Pengiklanan & Promosi		58,800
7.	Syarikat G	Siaraya		79,500
JUMLAH				685,226

Sumber: Fail PIHEC dan PIH2F

Maklum Balas PHI pada 22 Ogos 2023

Perkara ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023.

b. Bayaran Kepada Kontraktor

- i. Mengikut surat pelantikan kontraktor, bayaran bagi perkhidmatan hendaklah dibuat mengikut kadar seperti yang telah dikemukakan oleh kontraktor dalam tawaran sebut harga.
- ii. Semakan Audit terhadap bayaran kepada tiga kontraktor mendapati **perbezaan harga berjumlah RM57,774 telah dibayar oleh PHI berbanding harga perkhidmatan yang ditawarkan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
PERBEZAAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR
BAGI PENGANJURAN PIHEC

BIL.	KONTRAKTOR	JUMLAH SEBUT HARGA (RM)	BAYARAN (RM)	PERBEZAAN (RM)	PERBEZAAN (%)
1.	Syarikat A	90,000	140,350	50,350	55.9
2.	Syarikat B	28,200	30,064	1,864	6.6
3.	Syarikat C	119,999	125,559	5,560	4.6
JUMLAH				57,774	

Sumber: Fail Pelantikan Kontraktor dan Baucar Bayaran

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang perubahan kepada skop perkhidmatan yang membolehkan berlakunya peningkatan harga atau perubahan kadar bagi kontrak berkenaan.

Maklum Balas PHI pada 22 Ogos 2023

Perkara ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah memohon PHI menyediakan maklumat lengkap untuk semakan.

Pendapat Audit | **Pengurusan perolehan PHI adalah kurang cekap kerana tiada kelulusan Lembaga Pengarah bagi pelantikan kontraktor dan perbezaan harga perkhidmatan yang dibayar.**

5.2.2.6. Pematuhan Status HALMAS di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP)

- a. Pameran dan misi perdagangan di dalam dan luar negara yang dilaksanakan oleh PHI bagi mempromosikan TPHPP bertujuan untuk menarik syarikat antarabangsa dan tempatan untuk melabur dengan membina kilang produk halal di TPHPP.
- b. PHI telah menerima kelulusan status HALMAS bagi TPHPP dari HDC pada tahun 2011 (Fasa 1) dan tahun 2017 (Fasa 2). Melalui status HALMAS, pengendali TPHPP dan pelabur yang membina kilang di kawasan TPHPP akan menikmati insentif cukai seperti pengecualian cukai pendapatan ke atas perbelanjaan modal dan pengecualian duti import.
- c. Kelulusan status HALMAS telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Antara syarat-syaratnya adalah seperti berikut:
 - i. Aktiviti pengeluaran produk halal sahaja dibenarkan dijalankan di TPHPP; dan
 - ii. Laporan status terkini perkembangan TPHPP perlu dikemukakan kepada HDC setiap enam bulan.
- d. Semakan Audit terhadap maklumat yang diterima oleh PHI dari PDC mengenai pembangunan TPHPP setakat bulan Mac 2023 melaporkan 20 syarikat telah beroperasi. **Terdapat 15 (75%) daripadanya telah mempunyai status halal manakala lima (25%) daripadanya masih belum mempunyai status halal.** Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang tindakan susulan samada melalui surat peringatan atau lawatan tapak ke premis kilang berkenaan untuk pemantauan.
- e. Selain itu fail laporan status terkini perkembangan TPHPP tidak dikemukakan kepada Audit untuk semakan. Oleh itu pihak Audit tidak dapat mengesahkan laporan dan maklumat yang dikemukakan kepada HDC. Menurut PHI, laporan kepada HDC dikemukakan secara e-mel berdasarkan maklumat yang diminta oleh HDC dan tempoh laporan mengikut keperluan HDC.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023 dan 22 Ogos 2023

PHI akan memastikan syarikat yang telah beroperasi telah mendapat status halal dan akan bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Halal bagi membantu syarikat-syarikat tersebut bagi mendapatkan status halal. PHI juga akan bekerjasama dengan PDC bagi memantau status perkembangan terkini syarikat yang telah melabur di TPHPP.

Sehingga 18 Ogos 2023, satu daripada lima syarikat telah mendapat sijil halal dan satu syarikat masih dalam proses permohonan sijil halal.

Bagi laporan status terkini perkembangan TPHPP, PHI hanya menyimpan maklumat yang diberikan kepada HDC dalam bentuk *softcopy*. PHI akan mendokumentasikan maklumat-maklumat tersebut.

Pendapat Audit | Pematuhan status HALMAS oleh syarikat di TPHPP adalah cekap kerana 15 syarikat (75%) telah beroperasi dengan status halal.

5.2.3. Program Pembangunan Usahawan

PHI melaksanakan program pembangunan usahawan dengan mengadakan kursus, latihan, bengkel, seminar dan webinar kepada usahawan bagi mengembangkan perniagaan dan pensijilan halal. Ia juga dapat membantu usahawan mendapat sijil halal, memberi kesedaran mengenai kepentingan pensijilan halal dan meningkatkan kemahiran dalam bidang perniagaan.

5.2.3.1. Bantuan Pensijilan Halal

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2021 telah meluluskan Pakej Bantuan Khas Fasa 3.1 (Penang Lawan Covid-19) bagi geran bantuan pensijilan halal kepada usahawan mikro. PHI telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana untuk menguruskan bantuan pensijilan halal kepada usahawan mikro yang membuat permohonan.

- b. Peruntukan bantuan pensijilan halal kepada golongan sasaran berjumlah RM320 merangkumi bayaran balik kepada setiap syarikat yang telah menerima sijil halal berjumlah RM200 dan bayaran yuran kursus pensijilan halal berjumlah RM120 setiap peserta. Keseluruhan peruntukan daripada Kerajaan Negeri tahun 2021 adalah RM288,000. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERUNTUKAN BANTUAN PENSIJILAN HALAL PADA TAHUN 2021

BIL.	JENIS BANTUAN	KADAR (RM)	ANGGARAN PENERIMA	PERUNTUKAN (RM)
1.	Yuran Pensijilan Halal	200	900	180,000
2.	Yuran Kursus	120		108,000
JUMLAH		320	900	288,000

Sumber: Bantuan Pensijilan Halal

- c. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2021 dan 2022, PHI telah membuat bayaran bantuan yuran pensijilan halal kepada 178 syarikat dan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM35,600. Selain itu, perbelanjaan bagi yuran kursus pensijilan halal pula berjumlah RM108,000 melibatkan 900 peserta. **Bantuan pensijilan halal yang telah dibelanjakan berjumlah RM143,600 (49.9%), manakala baki bantuan yang tidak dibelanjakan pula berjumlah RM144,400 (50.1%).** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN BANTUAN PENSIJILAN HALAL PADA TAHUN 2021 DAN 2022

BIL.	TAHUN	JENIS BANTUAN	KADAR (RM)	BILANGAN SYARIKAT/ PESERTA	PERBELANJAAN (RM)
1.	2021	Yuran Pensijilan Halal	200	90	18,000
		Yuran Kursus	120	207	24,840
2.	2022	Yuran Pensijilan Halal	200	88	17,600
		Yuran Kursus	120	693	83,160
JUMLAH		YURAN PENSIJILAN HALAL	200	178	35,600
		YURAN KURSUS	120	900	108,000
JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR			-	-	143,600
PERUNTUKAN BANTUAN PENSIJILAN HALAL			-	-	288,000
BAKI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN			-	-	144,400

Sumber: Rekod Perbelanjaan Bantuan Pensijilan Halal

- d. Menurut PHI, baki peruntukan bantuan yuran pensijilan halal tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya disebabkan terdapat syarikat yang kurang berminat memohon bayaran balik yuran pensijilan halal.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI merupakan agensi pelaksana bagi bantuan pensijilan halal. Baki bantuan tersebut merupakan tuntutan bayaran yuran pensijilan halal. Untuk makluman, syarikat perlu membuat permohonan beserta dokumen yang lengkap bagi membolehkan pembayaran dibuat oleh PHI. Dokumen yang diperlukan ialah butiran syarikat, resit pembayaran yuran yang telah dibayar kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan penyata nombor akaun syarikat. Penerima pensijilan halal tidak memanfaatkan bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pendapat Audit | **Pengurusan bayaran bantuan pensijilan halal bagi program pembangunan usahawan adalah berkesan kerana dapat memberi galakan kepada usahawan bagi memperoleh sijil halal dalam memasarkan produk yang dikeluarkan. Selain itu, ia dapat meringankan beban kewangan usahawan industri halal semasa pandemik Covid-19.**

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan bagi mencapai objektifnya dan membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. PHI perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perlembagaan Syarikat, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta lain-lain peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, rujukan juga boleh dibuat terhadap amalan terbaik daripada *Malaysian Code on Corporate Governance 2021 (MCCG 2021)*, *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness (Green Book)* dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan Disember 2014 (*MKD Handbook*) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

5.3.2. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, Lembaga Pengarah PHI perlu dianggotai sekurang-kurangnya satu dan tidak melebihi 24 ahli Lembaga Pengarah. Sejak penubuhannya sehingga 15 November 2020, PHI telah melantik syarikat yang bernombor pendaftaran 0025069D sebagai Setiausaha Syarikat. PHI telah bertukar milik kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) pada 4 November 2020 dan melantik syarikat bernombor pendaftaran 0378082W sebagai Setiausaha Syarikat mulai 16 November 2020.

5.3.3. Semakan Audit mendapati **PHI telah mengamalkan satu daripada lapan aspek amalan tadbir urus terbaik iaitu Pengerusi. Tujuh aspek tidak diamalkan sepenuhnya** iaitu berkaitan komposisi Lembaga Pengarah; tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif (KPE); peranan Setiausaha Syarikat; penyediaan SOP; Pelan Strategik dan KPI; penubuhan Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh PHI diterangkan seperti berikut:

a. Lembaga Pengarah

- i. Mengikut Perlembagaan Syarikat, artikel 63 menyatakan Lembaga Pengarah PHI perlu dianggotai sekurang-kurangnya seorang ahli dan tidak melebihi 24 orang. MCCG 2021 amalan 5.2 pula menyarankan sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah berstatus bebas.
- ii. Pihak Audit mendapati setakat bulan Mac 2023, **tujuh ahli Lembaga Pengarah telah dilantik termasuklah Pengerusi melibatkan tiga ahli Lembaga Pengarah berstatus bebas dan empat ahli lagi berstatus bukan bebas.** Ini menjadikan kurang daripada separuh komposisi Lembaga Pengarah berstatus bebas.
- iii. Perkara ini berlaku kerana Pengerusi Lembaga Pengarah PHI merupakan Exco Perdagangan Industri dan Pembangunan Usahawan, dan tiga ahli Lembaga Pengarah merupakan Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan; Pegawai Kewangan Negeri; dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Amalan ini tidak selaras dengan amalan terbaik dan boleh mewujudkan kekangan dalam memberi pandangan bebas ketika membuat keputusan penting secara kolektif.

Maklum Balas PHI pada 22 Ogos 2023

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023 telah bersetuju menggantikan ahli Lembaga Pengarah dan mencadangkan dua nama bagi menggantikan kekosongan ahli Lembaga Pengarah pada mesyuarat akan datang.

b. Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)

- i. Seksyen 212 Jadual Ketiga perenggan 25 Akta Syarikat 2016 menyatakan Lembaga Pengarah boleh memberi kuasa kepada KPE tertakluk kepada terma, syarat dan sekatan yang bersesuaian. Berdasarkan Minit Mesyuarat Bilangan 1/2022 bertarikh 11 Januari 2022, Lembaga Pengarah telah menyenaraikan bidang tugas KPE antaranya menjalankan bidang kuasanya menguruskan belanjawan tahunan, perbelanjaan serta perancangan aliran tunai untuk makluman dan kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati **KPE telah meluluskan pendahuluan wang untuk tujuan peribadi (pinjaman) berjumlah RM17,000 kepada tiga kakitangan pada tahun 2022**. Bayaran balik pinjaman ini dibuat secara ansuran melalui kaedah potongan gaji bulanan dengan tempoh bayaran balik antara 12 hingga 26 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
SENARAI PENDAHULUAN WANG BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA BULAN MAC 2023

BIL.	KAKITANGAN	TEMPOH PINJAMAN	ANSURAN BULANAN (RM)	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BAKI PINJAMAN (setakat 31 Mac 2023) (RM)
1.	Pegawai AA	25.06.2022 hingga 25.7.2024 (26 bulan)	RM200	5,000	3,000
2.	Pegawai BB	25.01.2023 hingga 25.10.2024 (22 bulan)	RM250 (Bulan Pertama – 12) RM500 (Bulan 13 – 22)	8,000	7,250
3.	Pegawai CC	25.09.2022 hingga 25.8.2023 (12 bulan)	RM333 (Bulan Pertama – 11) RM337 (Bulan Akhir)	4,000	1,669
JUMLAH				17,000	11,919

Sumber: Senarai Pendahuluan Wang dan Lejar Akaun PHI

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati pinjaman ini tidak dinyatakan sama ada di dalam Perlembagaan Syarikat ataupun peruntukan dalam bajet tahun 2022 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2020 hingga bulan Mac 2023 juga mendapati maklumat mengenai pinjaman ini tidak dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat tersebut.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

Wang pendahuluan kepada kakitangan untuk tujuan peribadi adalah tidak menepati Perlembagaan Syarikat. PHI akan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi dan tiada pinjaman baru akan diberikan kepada kakitangan PHI. Kakitangan yang telah membuat pinjaman akan menyelesaikan wang pendahuluan ini mengikut jadual bayaran.

c. Setiausaha Syarikat

- i. Seksyen 235 hingga 242, Akta Syarikat 2016 menetapkan peraturan berhubung pelantikan Setiausaha Syarikat. Peranan utama Setiausaha Syarikat adalah untuk memberi panduan dan menasihati Lembaga Pengarah berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1/2021 bertarikh 16 Mac 2021 menyatakan PHI perlu mengguna pakai amalan terbaik daripada MCCG 2021 berkaitan status komposisi Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati tiada tindakan diambil oleh Setiausaha Syarikat berkaitan status komposisi yang tidak mencapai 50% berstatus bebas. Selain itu, semakan Audit juga mendapati **Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah berkenaan penetapan dan pemantauan Pelan Strategik, KPI dan SOP.**

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

Menurut Setiausaha Syarikat dan merujuk kepada Perlembagaan Syarikat, mana-mana artikel tidak menyebut bahawa status komposisi Lembaga Pengarah mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya separuh Lembaga Pengarah berstatus bebas. MCCG 2021 merupakan cadangan yang digalakkan untuk tadbir urus sesebuah syarikat terutama syarikat tersenarai awam. Sebarang agenda/isu dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dibuat berdasarkan maklumat yang disediakan oleh syarikat sendiri. Setiausaha Syarikat bertindak sebagai setiausaha luar (*external company secretary agent*) untuk PHI dan tidak terlibat dalam segala urusan dalaman operasi syarikat seperti penetapan dan pemantauan Pelan Strategik, KPI and SOP. Sebagai setiausaha luar (*external company secretary agent*), Setiausaha Syarikat perlu memastikan syarikat beroperasi mengikut aturan daripada Akta Syarikat 2016.

d. Prosedur Operasi Standard (SOP)

- i. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menyatakan syarikat hendaklah mempunyai suatu sistem kawalan dalaman yang memberi jaminan munasabah bagi melindungi aset syarikat daripada kerugian akibat penggunaan dan pelupusan serta memastikan semua transaksi yang direkodkan adalah betul.
- ii. MKD Handbook – perenggan 1.9(c), 2.2(f), 3.25 dan 3.26 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat dan perolehan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- iii. Semakan Audit mendapati PHI ada menyediakan dan mengguna pakai SOP yang berkuat kuasa mulai 7 Jun 2016 berkaitan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Pentadbiran, Pengurusan TPHPP dan Pengurusan Acara bagi PIHEC. Bagaimanapun, **tiada SOP disediakan bagi perolehan, pengurusan promosi penganjuran PIH2F dan program pembangunan usahawan berkaitan latihan, kursus, bengkel dan seminar.**

- iv. Selain itu, PHI juga ada membuat semakan semula terhadap SOP Pengurusan Kewangan pada 16 Mac 2021 terhadap had dan kelulusan bayaran. Semakan semula selanjutnya dilaksanakan pada bulan Julai 2022 terhadap tuntutan perjalanan dan faedah perubatan dan telah diguna pakai mulai bulan Januari 2023. Bagaimanapun **semakan semula tersebut tidak dibentangi untuk kelulusan Lembaga Pengarah.**
- v. Ketiadaan SOP yang lengkap dan kemas kini telah menyebabkan berlakunya pengurusan kewangan PHI yang tidak teratur seperti dalam **Jadual 20.**

JADUAL 20
KESAN TERHADAP SOP YANG TIDAK LENGKAP DAN DIKEMAS KINI

BIL.	SOP	PENEMUAN AUDIT	KESAN
1.	Pengurusan Cuti	Tiada terma berkenaan kelayakan pengambilan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai PHI selepas penganjuran acara.	Kesemua Pegawai PHI telah mengambil Cuti Tanpa Rekod selepas penganjuran PIHEC dan PIH2F.
2.	Tuntutan Perjalanan	Semakan semula SOP bagi pertambahan elaun bertugas di dalam dan luar negara dibuat tanpa berdasarkan kehendak Lembaga Pengarah untuk merujuk kepada pekeliling yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri berkenaan pengurusan kewangan dan had kelulusan.	PHI menggunakan peruntukan geran bagi menampung pertambahan perbelanjaan tuntutan perbelanjaan.
3.	Faedah Perubatan	Semakan semula Faedah Perubatan tidak dikemas kini dalam SOP.	Kategori Faedah Perubatan yang tidak jelas menyukarkan pegawai untuk menentukan kelayakan tuntutan.

Sumber : SOP PHI

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023 dan 22 Ogos 2023

PHI akan mengemas kini semula SOP berkaitan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Pentadbiran, Pengurusan TPHPP dan Pengurusan Acara bagi PIHEC dan menyediakan SOP bagi Program Pembangunan Usahawan berkaitan latihan, kursus, bengkel dan seminar, serta Pengurusan Acara berkaitan penganjuran PIH2F. SOP ini akan dibentangi dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

SOP Pengurusan Kewangan telah dibentangi dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023. Lembaga Pengarah mohon semakan semula untuk dibentangi dalam mesyuarat akan datang.

e. Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- i. MCCG 2021 amalan 1.1 dan panduan 1.1, menyarankan supaya Pelan Strategik syarikat diluluskan dan pelaksanaan dipantau oleh Lembaga Pengarah. *Green Book* Bahagian 1 dan Perenggan 3.2 menyatakan Lembaga Pengarah berperanan memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Sasaran dan pencapaian KPI hendaklah disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati **PHI tidak menyediakan Pelan Strategik bagi tahun 2020 dan 2021.** Pada tahun 2022, PHI ada menyediakan Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2022 hingga 2026 dan telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 3/2022 pada 26 Julai 2022.
- iii. Semakan lanjut Audit mendapati **PHI ada menyediakan perancangan aktiviti utama seperti promosi dan program pembangunan usahawan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 tetapi bukan dalam bentuk KPI.** Perancangan tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada setiap tahun untuk kelulusan. PHI telah menyediakan KPI bagi tahun 2023 dan telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1/2023 pada 28 Februari 2023.
- iv. Penyediaan Pelan Strategik dan KPI akan membantu Lembaga Pengarah PHI dalam mengukur dan memantau prestasi serta pencapaian syarikat. Ia juga dapat membantu memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI mengakui tiada pelan strategik bagi tahun terdahulu di bawah pengurusan lama. Pihak pengurusan baharu PHI telah menyediakan Pelan Strategik pada tahun 2022 dan KPI bagi tahun 2023. PHI akan memastikan KPI akan disediakan pada setiap tahun dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

f. Jawatankuasa Audit

- i. MCCG 2021 Intended Outcome 9.0 dan Green Book perenggan 1.2.1 menyarankan Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Audit (JKA) yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati **JKA tidak ditubuhkan sejak penubuhan PHI**. Kegagalan JKA ditubuhkan menyebabkan elemen semak dan imbang tidak wujud dalam organisasi dan penemuan Audit melibatkan pengurusan syarikat pula tidak dapat dilaporkan kepada ahli Lembaga Pengarah. Ini seterusnya akan menyebabkan proses penambahbaikan sukar atau tidak dapat dilaksanakan.

g. Audit Dalam

- i. MCCG 2021 panduan 11.1 pula menyatakan peranan utama Unit Audit Dalam (UAD) adalah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ini bagi membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus syarikat, seterusnya menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati **UAD tidak ditubuhkan sejak penubuhan PHI** kerana saiz syarikat yang kecil dengan 11 kakitangan sahaja. PHI hanya diaudit oleh firma audit swasta yang menjalankan pengauditan tahunan ke atas penyata kewangan. Ketiadaan UAD menyebabkan tiada semakan dibuat terhadap kawalan dalaman pengurusan aktiviti dan kewangan PHI, serta proses penambahbaikan juga tidak dapat dilaksanakan.

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023 dan 22 Ogos 2023

PHI merupakan agensi di bawah CMI dan dalam perancangan untuk menubuhkan Unit Integriti bagi memantau agensi di bawah CMI. PHI juga dalam perancangan untuk mewujudkan kawalan dalaman bagi menambah baik pengurusan aktiviti dan kewangan PHI. PHI sedang mengemas kini semula SOP berkaitan kawalan dalaman.

Pendapat Audit | Keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat PHI adalah kurang memuaskan.

5.4. Kedudukan Kewangan


5.4.1. Penyata Kewangan PHI tahun 2020, 2021 dan 2022 telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran oleh Tetuan AljeffriDean PLT. Analisis terhadap kedudukan kewangan PHI bagi tahun 2020 hingga 2022 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat merangkumi pendapatan; perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 21** dan **Carta 6**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN KEWANGAN PHI BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022

BUTIRAN	2020	2021	2022
	(RM)	(RM)	(RM)
Pendapatan Geran Digunakan	828,656	779,903	2,002,071
Pendapatan Lain	34,567	30,213	33,704
JUMLAH PENDAPATAN	863,223	810,116	2,035,775
Kos Operasi	30,459	0	1,075,949
Kos Pentadbiran	818,393	793,119	934,111
Susut Nilai	14,371	16,997	25,715
JUMLAH PERBELANJAAN	863,223	810,116	2,035,775
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	0	0	0
Cukai	0	0	0
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	0	0	0
JUMLAH ASET	384,052	600,711	469,768
JUMLAH LIABILITI	384,052	600,711	469,768
JUMLAH EKUITI	0	0	0
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	384,052	600,711	469,768
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	325,262	564,642	420,208

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

CARTA 6
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI
TAHUN 2020, 2021 DAN 2022



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

5.4.2. Pendapatan utama PHI adalah daripada geran Kerajaan negeri bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pentadbiran syarikat. Geran Kerajaan negeri yang diterima oleh PHI setiap tahun merupakan penyumbang terbesar pendapatan keseluruhan yang diperolehi. Pendapatan lain pula ialah melalui lebihan kos program, dividen pelaburan jangka pendek dan komisyen. **Pendapatan pada tahun 2021 berjumlah RM810,116 mengalami penurunan sejumlah RM53,107 (6.2%) berbanding tahun 2020 berjumlah RM863,223. Pada tahun 2022, pendapatan PHI telah meningkat sejumlah RM1,225,659 (151.3%) kepada RM2,035,775 berbanding tahun 2021.**

5.4.3. Perbelanjaan PHI terdiri daripada kos operasi, kos pentadbiran dan susut nilai. Perbelanjaan kos operasi melibatkan aktiviti promosi di dalam dan luar negara serta penganjuran PIHEC dan program pembangunan usahawan. **Perbelanjaan kos operasi pada tahun 2022 berjumlah RM1,075,949 berbanding tiada perbelanjaan pada tahun sebelumnya.** Peningkatan ini disebabkan aktiviti promosi di dalam dan luar negara telah dapat dijalankan selepas pandemik Covid-19.

5.4.4. Perbelanjaan kos pentadbiran merangkumi kos staf, bayaran sewa pejabat, caj perkhidmatan bangunan, cetakan dan alat tulis, kos perjalanan, pengiklanan, utiliti dan lain-lain perbelanjaan. **Perbelanjaan kos pentadbiran PHI pada tahun 2020 berjumlah RM818,393 menurun kepada RM793,119 pada tahun 2021 dan meningkat semula kepada RM934,111 pada tahun 2022.** Penurunan ini disebabkan terdapat kekosongan jawatan yang tidak diisi pada tahun 2021.

5.4.5. Tiada keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 disebabkan aktiviti yang dijalankan oleh PHI adalah bukan berorientasikan keuntungan.

5.4.6. Komponen aset PHI terdiri daripada tunai dan bukan tunai, pelaburan jangka pendek, penghutang, perisian komputer dan kelengkapan pejabat. **Jumlah aset menunjukkan peningkatan daripada RM384,052 pada tahun 2020 kepada RM600,711 pada tahun 2021 dan menurun kepada RM469,768 pada tahun 2022.** Peningkatan ini disebabkan pertambahan tunai kerana geran yang diterima kurang dibelanjakan untuk aktiviti promosi berikutan pandemik Covid-19.

5.4.7. Komponan liabiliti terdiri daripada lebih geran yang belum dibelanjakan dan lain-lain hutang. Liabiliti PHI menunjukkan trend meningkat iaitu RM384,052 pada tahun 2020 kepada RM600,711 pada tahun 2021. Trend peningkatan pada tahun 2021 disebabkan oleh pertambahan baki geran kurang dibelanjakan, manakala pada tahun 2022 jumlah liabiliti pula ialah RM469,768. Keadaan ini menunjukkan PHI mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya dengan menggunakan baki geran yang diperolehi.

5.4.8. Pada akhir tahun 2022, baki tunai dan kesetaraan tunai PHI ialah berjumlah RM420,208. PHI mencatatkan peningkatan dalam baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2021 iaitu sejumlah RM564,642 berbanding pada tahun 2020 berjumlah RM325,262. **Analisis aliran tunai PHI menunjukkan kedudukan yang positif bagi tiga tahun berturut-turut.**

Maklum Balas PHI pada 15 Mei 2023

PHI memastikan baki simpanan di dalam akaun pada setiap hujung tahun bagi menampung perbelanjaan kos operasi sementara menunggu penyaluran geran oleh Kerajaan negeri.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan PHI berada pada tahap stabil kerana aliran tunai PHI menunjukkan kedudukan yang positif bagi tiga tahun berturut-turut.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, PHI telah mencapai objektif penubuhannya untuk mempromosikan industri halal di Pulau Pinang dan melaksanakan program pembangunan usahawan bagi perniagaan industri halal. Pencapaian keberhasilan adalah baik dengan sambutan promosi dan program sebanyak 1,976 peserta dan kehadiran 75,000 pengunjung promosi, kemasukan tujuh pelabur di TPHPP dengan nilai pelaburan berjumlah RM260.20 juta dan 2,102 syarikat telah mendapat pengesahan pensijilan halal. Pengurusan aktiviti PHI bagi pengurusan geran dan program pembangunan usahawan adalah cekap, manakala pengurusan promosi kurang cekap. Amalan tadbir urus korporat PHI juga berada pada tahap kurang memuaskan di mana tujuh daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat syarikat tidak diamalkan sepenuhnya. Kedudukan kewangan PHI pula berada pada tahap stabil kerana aliran tunai PHI menunjukkan kedudukan yang positif bagi tiga tahun berturut-turut pada tahun 2020, 2021 dan 2022.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi PHI dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah PHI perlu mengambil langkah yang berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

7.1. menambah baik pengurusan perbelanjaan dan perolehan bagi aktiviti promosi dengan mematuhi SOP yang ditetapkan dan SOP perlu dikaji semula dan diperkemaskan dari semasa ke semasa jika berlaku perubahan;

7.2. memantau status pensijilan halal terhadap syarikat yang beroperasi di TPHPP agar status HALMAS dapat dikekalkan; dan

7.3. meningkatkan amalan tadbir urus korporat berdasarkan semua amalan terbaik mengenai peranan dan fungsi Lembaga Pengarah; KPE; Setiausaha Syarikat; SOP; Pelan Strategik dan KPI; penubuhan Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam.



BAHAGIAN II



STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

- Kedudukan Setakat
30 September 2023

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI/ PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

- KEDUDUKAN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023

1.1. Jabatan Audit Negara (JAN) komited membantu jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri dengan memantau kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sistem Auditor General's Dashboard (AGD) telah dibangunkan bagi memaparkan isu dan status tindakan terkini terhadap isu yang dilaporkan. Kaedah ini berjaya membantu jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri untuk menyalurkan maklumat dengan cepat dan pantas mengenai tindakan yang telah/sedang diambil melalui pengemaskinian maklum balas secara dalam talian. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu LKAN serta tindakan yang diambil untuk makluman semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan pihak awam secara keseluruhannya.

1.2. Sejak tahun 2012, status tindakan bagi isu LKAN dipaparkan melalui sistem AGD. Paparan secara dalam talian ini menjadi pencetus bagi mempercepatkan penyelesaian isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN oleh jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri. Ia sekaligus dapat memperbaiki prestasi tadbir urus penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.

1.3. Portal AGD juga boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam untuk mengetahui **status tindakan bagi isu LKAN secara masa nyata (real time)**. Setiap isu dikategorikan mengikut tiga warna ikon (traffic light icons) iaitu **Merah (tiada maklum balas atau maklum balas tidak menjawab isu yang dibangkitkan)**, **Kuning (dalam tindakan)** dan **Hijau (tindakan telah selesai diambil)**. Maklumat mengenai status tindakan terhadap isu yang dipaparkan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

1.4. Susulan yang dilaksanakan adalah berdasarkan piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI). Perenggan 42, International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 menyatakan "*Auditors should follow up previous audit findings and recommendations wherever appropriate. Follow-up should be reported appropriately in order to provide feedback to the legislature together, if possible, with the conclusions and impacts of all relevant corrective actions*".

1.5. Pelaporan mengenai status susulan melalui AGD dalam LKAN adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 9(8), Akta Audit 1957 [Akta 62]. Setakat 30 September 2023, susulan Audit telah dilaksanakan terhadap 64 kajian/pengauditan di jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Liputan susulan terhadap isu Audit yang dilaporkan bagi tahun 2011 hingga 2021 Siri 1 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN ISU SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023


TAHUN	BILANGAN KAJIAN/PENGAUDITAN (Bilangan Diaudit)	SUSULAN AUDIT (Bilangan Isu Disusul)
2011	3	4
2012	8	46
2013	11	68
2014	10	75
2015	8	78
2016	5	54
2017	6	52
2018	5	34
2019	3	31
2020	3	15
2021	2	9
JUMLAH	64	466

Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD Pada 30 September 2023

Nota: Statistik yang Dipaparkan Adalah Berdasarkan LKAN yang Telah Dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sahaja.


1.6. Setakat 30 September 2023, terdapat 466 isu telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2011 hingga 2021 Siri 1 mengenai aktiviti dan pengauditan pematuhan jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebanyak 463 isu (99%) daripada keseluruhan isu tersebut telah Selesai manakala tiga isu (1%) masih Dalam Tindakan oleh jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ringkasan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

**CARTA 1
STATUS TINDAKAN ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2011 HINGGA 2021 SIRI 1 SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023**




Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD Pada 30 September 2023

**CARTA 2
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM LKAN
MENGIKUT TAHUN SETAKAT 30 SEPTEMBER 2023**



Sumber: Maklumat Dijana Daripada Sistem AGD Pada 30 September 2023

1.7. Setakat 30 September 2023, sejumlah 3 (1%) daripada 466 isu yang masih Dalam Tindakan adalah melibatkan LKAN Tahun 2017 hingga 2021 Siri 1. Bilangan isu Dalam Tindakan yang tertinggi adalah bagi LKAN Tahun 2019 iaitu sebanyak dua isu. Butiran terperinci dan kedudukan terkini isu yang berstatus Dalam Tindakan mengenai aktiviti dan pengauditan pematuhan jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh diakses melalui sistem AGD menggunakan *QR Code* seperti berikut.



Nota: Maklumat yang dipaparkan semasa imbasan melalui *QR Code* adalah yang terkini.

1.8. Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah disyorkan untuk terus komited melaksanakan tindakan penambahbaikan. JAN berperanan untuk menyusul isu yang belum selesai sehingga tindakan korektif dan penambahbaikan yang bersesuaian diambil. Status bagi tindakan tersebut dipaparkan melalui portal AGD.



PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti jabatan/agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran Audit yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2022 ini. Sebagai rumusan, empat cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

- a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
- b. Jabatan/agensi dan syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
- c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti serta pengurusan syarikat Kerajaan Negeri.
- d. Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat Kerajaan Negeri untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di negara ini. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
17 Oktober 2023**



AKRONIM

AKRONIM

Akaun Amanah	Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang
APK	Arahan Perubahan Kerja
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara/The Association of Southeast Asian Nations
B2C	<i>Business to Customer</i>
BQ	<i>Bill of Quantity</i>
CMI	Perbadanan Ketua Menteri/ Chief Minister Incorporated
DBD	Daerah Barat Daya
DTL	Daerah Timur Laut
EOT	Lanjutan Masa
F&B	<i>Food & Beverage</i>
FIJO	Festival Islam & Halal Antarabangsa Johor/Johor International Islamic & Halal Festival
HALMAS	Halal Malaysia
HDC	Halal Industry Development Corporation
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAIPP	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
JKA	Jawatankuasa Audit
JPP	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
JPSPP	Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
KPI	Petunjuk Prestasi Utama/ <i>Key Performance Indicators</i>

MARRIS	Malaysian Road Records Information System
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MBSP	Majlis Bandaraya Seberang Perai
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MIHAS	Malaysian International Halal Showcase
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MOU	Memorandum Persefahaman/ <i>Memorandum of Understanding</i>
MSMA	Manual Saliran Mesra Alam
OSC	Pusat Setempat
PDC	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang/ <i>Penang Development Corporation</i>
PDTSP	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
PHI	Penang Halal International Sdn. Bhd.
PIH2F	Penang International Halal Food & Heritage Festival
PIHEC	Penang International Halal Expo & Conference
PIS	Pelan Induk Saliran
PKA	Pembantu Kesihatan Awam
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PLUS	PLUS Malaysia Berhad
PTB	Projek Tebatan Banjir
RSNPP 2030	Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030
RTB	Rancangan Tebatan Banjir
SELHAC	Selangor International Halal Convention

SIWE	Sabah International Women Entrepreneur
SOP	Prosedur Operasi Standard/ <i>Standard Operating Procedures</i>
SPS	Seberang Perai Selatan
SPT	Seberang Perai Tengah
SPU	Seberang Perai Utara
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TPHPP	Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang
UAD	Unit Audit Dalam
WIEF	World Islamic Economic Forum



JABATAN AUDIT NEGARA

ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F, LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62000 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my